

18 OCT 1998

Abdullah-Timbangan

STRUKTUR UMNO SUDAH ELOK, KATA ABDULLAH BADAWI

ALOR GAJAH, 18 Okt (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata struktur Umno sekarang sudah elok tanpa perlu dilupuskan jawatan timbalan presiden parti seperti yang dicadangkan.

"Struktur Umno dari presiden, timbalan dan tiga naib presiden dah elok dan jawatan timbalan presiden bukan baru wujud," katanya kepada pemberita di sini selepas melancarkan jentera pilihan raya Parlimen Selandar di sini hari ini.

Jawatan timbalan presiden wujud dari awal perlembagaan Umno dulu tanpa menjejaskan parti, kata Abdullah ketika diminta mengulas cadangan bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba supaya jawatan timbalan presiden Umno dihapuskan untuk mengelak perpecahan akibat perebutan kerusi itu.

Ghafar sebaliknya mencadangkan agar ditambah dua lagi kerusi naib presiden menjadi lima.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata yang penting ialah politik dalam Umno sentiasa pada tahap terkawal dan semua pemimpin yang dipilih menyedari serta memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing.

"Yang menjadi masalah ialah apabila berlaku tindakan yang lari daripada tugas dan tanggungjawab. Masalah bukan pada struktur... masalah adalah pada individu," katanya.

Mengenai kenyataan kesat dan keras yang dilemparkan oleh beberapa pemimpin Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada siri ceramah mereka, Abdullah berkata ia sesuatu yang tidak baik.

"Kita boleh beri pandangan yang tegas dan berbeza mengenai sesuatu perkara tetapi kita perlu pegang pada kesopanan dalam apa jua tindakan dan tidak menyalahi undang-undang," katanya.

Abdullah juga berkata kemenangan dengan majoriti besar pada pilihan raya akan datang penting bagi Barisan Nasional (BN) kerana kerajaan memerlukan sokongan yang kuat di Parlimen.

Katanya kerajaan sukar bertindak jika Parlimen lemah (tanpa majoriti dua pertiga) sebagaimana yang berlaku di beberapa negara lain.

"Kita akan bekerja kuat untuk kemenangan," katanya.

-- BERNAMA

NO MAI